

SULIT



UNIT PEPERIKSAAN
PEJABAT PENDIDIKAN KOTA BELUD

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2018
PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM
Bahasa Melayu
Tingkatan 5
Kertas 1
Ogos 2018
2 1/4 jam

1103/2

Dua jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

Koleksi www.bmspm.net

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi **dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.**
2. Jawab soalan **Bahagian A** dan **satu soalan daripada Bahagian B.**
3. Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.
4. Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi,


Kertas peperiksaan ini mengandungi 3 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

[Lihat halaman sebelah

Bahagian A

[30 markah]

Huraikan pendapat anda tentang kebaikan menyertai **aktiviti gotong-royong**. Panjangnya huraian hendaklah antara **200 hingga 250 patah perkataan**.

KEBAIKAN AKTIVITI GOTONG-ROYONG

Bahagian B

[100 markah]

[Masa yang dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Pilih **satu** daripada soalan di bawah ini dan tulis sebuah karangan yang **panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan**.

1. Belakangan ini, isu kenakalan remaja hangat diperkatakan dan membawa petanda yang tidak baik kepada generasi akan datang. Huraikan peranan anda sebagai seorang remaja dalam membentuk sahsiah diri yang terpuji.
2. Amalan membaca haruslah dipupuk kepada generasi muda untuk melahirkan golongan yang berilmu pengetahuan. Tuliskan satu **rencana** tentang peranan ibu bapa untuk memupuk minat membaca kepada anak-anak.
3. Terdapat banyak tempat menarik di negara kita yang menjadi tarikan pelancong sama ada pelancong tempatan ataupun pelancong asing. Huraikan kepentingan-kepentingan industri pelancongan terhadap pembangunan negara.
4. Kemasukan pelajar asing ke negara ini telah menjadikan Malaysia sebagai hab Pendidikan yang tersohor pada peringkat global. Huraikan faktor-faktor yang menarik minat pelajar-pelajar dari luar negara untuk melanjutkan pelajaran negara ini berbanding dengan negara-negara lain.
5. Adat Sezaman ditinggal jauh
Adat agama dipandang remeh
Adat kuning menjadi ikutan

Rangkap di atas merupakan sebahagian daripada sajak “**Adat Sezaman**” yang membawa maksud sikap masyarakat yang semakin melupakan adat resam, memandang remeh ajaran agama, dan mengamalkan budaya kuning. Huraikan peranan masyarakat untuk membentuk sahsiah terpuji dalam kalangan remaja.

**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2018****PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM**

Bahasa Melayu

Tingkatan 5

Kertas 2

Ogos/Sept 2018

2 1/2 jam

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**Koleksi www.bmspm.net**

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2(c), Soalan 2(d) dan Soalan 4 berdasarkan teks **Komponen Sastera Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.***
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
5. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi,*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 9 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

[Lihat halaman sebelah

Soalan 1: Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan telitinya, kemudian buat satu rumusan tentang langkah-langkah meningkatkan pencapaian mata pelajaran Sains dan Matematik dan kebaikan menguasai mata pelajaran tersebut. Panjang rumusan anda hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Malaysia menunjukkan peningkatan sebanyak 33 mata kepada 431 mata bagi Literasi Bacaan dalam laporan Program Pentaksiran Pelajar Antarabangsa (PISA) 2015 berbanding hanya 398 mata pada PISA 2012. Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan (Pembangunan Profesionalisme Keguruan), Datuk Dr Amin Senin mengatakan bahawa pencapaian bagi domain Literasi Bacaan lebih baik berbanding dua domain lagi iaitu Literasi Matematik dan Literasi Saintifik. Literasi Matematik Malaysia hanya meraih penambahan 25 mata daripada 421 mata pada PISA 2012, manakala Literasi Saintifik meningkat 23 mata daripada 420 mata (PISA 2012). Oleh sebab itu, Kementerian Pendidikan melaksanakan prakarsa berkesan untuk meningkatkan pencapaian subjek Sains dan Matematik dalam kalangan murid.

Bagi meningkatkan pencapaian mata pelajaran Sains dan Matematik, Kementerian Pendidikan Malaysia akan memperhalusi setiap program Pendidikan. Selain itu, pembudayaan Sains dan Matematik diterapkan dalam diri pelajar sejak kecil lagi. Dalam hal ini, tanggungjawab memupuk minat dalam kedua-dua mata pelajaran ini bukan sahaja terletak di pundak guru semata-mata sebaliknya pihak sekolah perlu bersinergi dengan masyarakat untuk meningkatkan kecemerlangan mata pelajaran tersebut. Persepsi segelintir masyarakat tentang kesukaran mempelajari mata pelajaran ini sebenarnya mampu mematikan minat dan keinginan pelajar untuk menguasai mata pelajaran ini dengan lebih baik. Selain itu, faktor kerisauan pelajar terhadap pencapaian mata pelajaran Sains dan Matematik dan kurangnya pendedahan dari aspek kerja dalam bidang berkenaan menyebabkan pelajar tidak meminati mata pelajaran tersebut. Dari aspek yang lain pula, sikap ibu bapa yang tidak memberikan dorongan kepada anak-anak menyebabkan anak-anak tidak meminati Sains dan Matematik.

Pendekatan seterusnya ialah kempen kesedaran tentang mata pelajaran Sains dan Matematik dalam kalangan masyarakat perlu diperhebat. Hal ini dikatakan demikian kerana melalui kempen akan dapat menyedarkan lebih banyak pihak akan kemaslahatan mata pelajaran ini kepada negara. Selain itu, dalam bidang kerjaya pula, pihak industri disarankan menjadi rakan kongsi ilmu dengan Kementerian Pendidikan. Hasil daripada kolaboratif tersebut memudahkan percambahan idea dan pengintegrasian kepentingan mata pelajaran Sains dan Matematik melalui pelbagai program dapat direalisasikan.

Bagi melonjakkan kecemerlangan dalam mata pelajaran tersebut, pelajar mestilah menerima teknik pengajaran berasaskan KBAT. Mereka harus dibimbing supaya dapat berfikir secara kreatif dan kritis untuk menyelesaikan masalah. Pengaruh rakan sebaya yang boleh menghalang murid mempelajari Sains dan Matematik perlu dihapuskan dalam diri mereka. Dalam hal ini, guru dan pelajar perlu bekerjasama mencapai objektif pembelajaran yang lebih holistik. Guru juga perlu sentiasa mengemas kini pengetahuan semasa dalam pengajaran dan pemudahcaraan supaya dapat menarik minat pelajar seterusnya meningkatkan pencapaian mata pelajaran tersebut. Tuntasnya, prakarsa membudayakan Sains dan Matematik perlu dilaksanakan oleh semua pihak supaya pencapaian pelajar dalam Program

Pentaksiran Pelajar Antarabangsa (PISA) mata pelajaran ini pada tahun 2018 membanggakan semua pihak.

SULIT

3

1103/2

(Dipetik dan diubah suai daripada
Pencapaian Sains dan Matematik dalam PISA 2015.
Oleh Nas Norziela Nasbah.
Berita Harian, Disember, 2016

Soalan 2: Pemahaman

[35 markah]

Soalan 2(a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *percambahan idea*.

[2 markah]

- (ii) Pengarang menyatakan terdapat beberapa sebab pelajar tidak yakin terhadap mata pelajaran Sains dan Matematik. Nyatakan sebab-sebab tersebut.

[3 markah]

- (iii)

Anda memperoleh keputusan mata pelajaran Sains dan Matematik dalam peperiksaan penggal pertama yang sangat mengecewakan.

Apakah usaha yang anda lakukan untuk mengatasi kelemahan dalam kedua-dua mata pelajaran tersebut?

[4 markah]

SULIT

4

1103/2

Soalan 2 (b) – Prosa Moden

Baca petikan drama di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

NEK SINAH: Nak Aiman, mari makan. Nek dah siapkan makanan kegemaran Aiman, ayam masak asam pedas.

AIMAN: Hei, jangan panggil saya nak Aiman! Saya bukan anak Nek Sinah. Nek Sinah tu cuma orang gaji di rumah ini faham? Saya belum lapar. Belum nak makan lagi. Saya nak tunggu Kak Dapnia balik, saya nak makan dengan dia.

NEK SINAH: Nenek sedar siapa diri nenek dalam rumah ini. Tadi Dapnia ada telefon beritahu yang dia tak balik makan tengah hari, dia banyak tugas di universiti. Malam baru dia pulang. Datin juga sibuk, malam baru dia pulang.

AIMAN: Kak Dapnia tak balik, *mummy* pun sama? Semua orang dalam rumah ini sentiasa sibuk saja. Macamlah esok dah nak kiamat.

NEK SINAH: Tak baik cakap begitu. Mereka pastinya ada urusan yang penting.

AIMAN: Sudahlah, Nek Sinah boleh keluar dari bilik saya ini. Nanti kalau saya lapar, saya pergi makan. Tak perlu sentiasa nak aturkan perkara yang perlu saya buat. Saya bukannya budak kecil lagi.

(NEK SINAH meninggalkan AIMAN dengan rasa kesal. Kesal dengan sikap AIMAN yang tidak menghormatinya dan ahli keluarga tersebut hanya mementingkan wang ringgit.

Dipetik daripada drama ‘Berkhidmat Untuk Negara’ oleh Affiz Zulkarnean Adam dalam Antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*, Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Berdasarkan petikan drama, nyatakan **dua** alasan Aiman menolak pelawaan Nek Sinah apabila diajak makan
[2 markah]
- (ii) Kesibukan kerjaya salah satu faktor yang menyebabkan anak-anak berasa diabaikan kerana ibu bapa kurang meluangkan masa bersama anak-anak mereka.

Pada pendapat anda, apakah **tindakan** yang sepatutnya dilakukan oleh ibu Aiman bagi memastikan Aiman tidak berasa diabaikan oleh ahli keluarganya?

[3 markah]

- (iii) Huraikan **satu** nilai kemanusiaan dalam petikan drama dan **satu** nilai kemanusiaan yang lain daripada keseluruhan drama yang tidak terdapat dalam petikan.

[4 markah]

SULIT

5

1103/2

Soalan 2 (c) – Prosa Tradisional

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat sendiri.

Maka Kertala Sari pun berdirilah atas kepala Laksamana itu, katanya, “*Teririk bangkai pula aku ini!*”

Adapun akan Laksamana tidur itu kerisnya sudah terhunus, lalu ia bangun melompat menikam dada Kertala Sari terus ke belakangnya.

Maka Laksamana pun berkata, “Ceh, mati engkau olehku!”

Setelah Kertala Sari merasai luka itu, maka dihunusnya kerisnya pula mengusir Laksamana. Dua tiga langkah pun rebah terjermus lalu mati. Maka oleh Laksamana dihirisnya syahwatnya lalu ia kembali ke rumah.

Setelah hari siang maka orang pun lalu. Maka dilihatnya seorang perlente mati; maka segera dikeratnya telinga dibawa kepada raja, sembahnya, “Ya tuanku, inilah tandanya patik membunuh penjurit yang terlalu buas itu.”

Maka datang pula seorang lagi, dikeratnya kepala, lalu dibawa menghadap raja katanya, “Inilah tandanya patik membunuh penjurit pada malam tadi.”

Dengan demikian habislah kaki tangan Kertala Sari dikeratnya dibawanya kepada raja. Maka baginda pun menjadi hairan.

Maka titah baginda kepada Bendahara, “Ayo mamak Bendahara, kita pun hairan kelakuan ini. Siapakah juga yang sungguh ini?”

Maka sembah Bendahara, “Ya tuanku, pada bicara patik, dua pertandaan lagi maka sungguh; tambahan Laksamana belum sampai.

(Dipetik daripada prosa tradisional Kepimpinan Melalui Telada
antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Berikan maksud rangkai kata *Teririk bangkai* .

[2 markah]

- (iii) Berdasarkan petikan, apakah yang telah berlaku kepada mayat Kertala Sari?

[3 markah]

- (iii) “Setelah hari siang maka orang pun lalu. Maka dilihatnya seorang perlente mati; maka segera dikeratnya telinga dibawa kepada raja, sembahnya, “Ya tuanku, inilah tandanya patik membunuh penjurit yang terlalu buas itu.” Maka datang pula seorang lagi, dikeratnya kepala, lalu dibawa menghadap raja katanya, “Inilah tandanya patik membunuh penjurit pada malam tadi.”

Pada pendapat anda, mengapakah mereka berani mengaku kepada raja bahawa mereka telah membunuh Kertala Sari ?

[3 markah]

SULIT

6

1103/2

Soalan 2 (d) – Puisi Tradisional/Puisi Moden

Baca petikan sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

ERTI HIDUP BERERTI Teo Wei Sing

Aku selalu didatangi
malam sepi
bagai kalung
yang melingkari leherku
tidak berubah keesokan hari
siapa yang akan menjengukku
keluhan seorang tua sunyi.

Keheningan tasik
kehijauan rumput
hanya menjadi bayangan
di penjuru ruang zaman
cinta dalam rahim dilupai
dari sulung ditendang ke bongsu
dari angh ditendang ke sulung balik
kucari erti hidup
menderita mengerang sakit
berdiri tanpa ruang.

Aku bagi mereka
tiada makna
anakku bakaku
baik setia mahupun derhaka
semoga disirami benih keinsafan
menjadi penawar dalam hati
embun cinta atasi dingin
jangan terpegun
ada yang mati
ada yang hidup
tiada yang kekal kecuali Tuhan.

Antologi Sejadah Rindu,
Sasbadi Sdn Bhd.

- (i) Berikan maksud ‘cinta dalam rahim dilupai’.

[2 markah]

- (ii) Pada pandangan anda, apakah tindakan anak-anak yang mempunyai kerjaya dapat membalas jasa dan pengorbanan ibu bapa mereka?

[3 markah]

(iii) Huraikan **dua** nilai kemanusiaan yang diketengahkan dalam sajak.

[4 markah]

1103/2 ©2018 Hak cipta GCJM

SULIT

SULIT

7

1103/2

Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab **semua** soalan.

(a) Tulis satu ayat daripada perkataan di bawah supaya jelas menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- (i) melarik
- (ii) melirik
- (iii) menjurus
- (iv) menjirus
- (v) menuntun
- (vi) menonton

[6 markah]

(b) Tukar **cakap ajuk** di bawah kepada **cakap pindah** tanpa mengubah maksud asalnya.

(i) Pada pendapat kamu, apakah kepentingan pengurusan kewangan dalam kehidupan?" tanya Cikgu Sanisah kepada Hayati.

(ii) "Awak tidak boleh mengambil makanan yang mengandungi kolesterol yang tinggi," kata pemuda itu kepada rakannya.

(iii) "Kamu berhati-hatilah ketika membeli barangan secara dalam talian," pesan Puan Siti kepada anak gadisnya.

[6 markah]

(c) Dalam petikan di bawah terdapat **satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

Perkembangan pesat dalam bidang telekomunikasi dan maklumat memudahkan capaian kepada apliekasi Internet. Golongan remaja berangasng melayar Internet kerana tarikannya lebih menyeronokkan berbanding gajet-gajet yang lain. Kebanyakan ibu bapa bimbang akan fenomina ini kerana budaya hedonisma di Internet akan melalai kepentingan pelajaran anak-anak.

[6 markah]

1103/2 ©2018 Hak cipta GCJM

SULIT

SULIT

8

1103/2

(d) Dalam setiap ayat di bawah terdapat **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan kata atau istilah dan satu kesalahan dari tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Anak Raja Gondang yang tinggal di Istana Kayangan itu berahi kepada Tuan Puteri Bongsu yang cantik jelita.
- (ii) Guru mata pelajaran yang mempunyai kerja khusus sentiasa memberi perhatian terhadap kesulitan pelajar menyiapkan kerja sebelum tarikh penghantaran tamat.
- (iii) Pakaian basah yang tersadai di atas ampaian itu jatuh bertaburan kerana ditiup angin petang.

[6 markah]

(e) Baca ayat-ayat di bawah dengan teliti dan kemudian nyatakan peribahasa yang sesuai dengan ayat-ayat tersebut.

- i Walaupun kita berasa kasihan atas penderitaan hidup yang dilaluinya tetapi orang yang menanggungnya tentulah berasa lebih perit lagi.
- ii Adam tidak gembira sekalipun segala kemahuannya dipenuhi oleh ibu bapanya kerana dia tidak mendapat kebebasan seperti remaja lain.
- iii Perbelanjaan hendaklah sepadan dengan pendapatan supaya tidak menyusahkan kita.

[6 markah]

SULIT

9

1103/2

Soalan 4: Novel
[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Leftenan Adan Wira Bangsa karya Abdul Latif Talib
- (ii) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
- (iii) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhani Matdarin
- (iv) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (v) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
- (vi) Tiran karya Beb Sabariah
- (vii) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- (viii) Silir Daksina karya Nizar Parman

4(a) Berdasarkan **sebuah** novel yang anda pelajari, huraikan **dua** latar masyarakat bagi yang terdapat dalam novel.

[7 markah]

4(b) Berdasarkan **dua** buah novel yang telah anda kaji, huraikan **konflik** yang dihadapi oleh watak utama dan cara watak mengatasi konflik tersebut.

[8 markah]

Koleksi www.bmspm.net